



PENGUMUMAN

PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

YAB Perdana Menteri dalam perutusannya pada 1 Mei 2020 menyatakan bahawa mulai 4 Mei 2020 semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan akan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Bagi memastikan segala aspek keselamatan dan kebajikan warga serta pelanggan MQA diberi keutamaan yang sewajarnya, adalah dimaklumkan bahawa semua operasi perkhidmatan MQA **DITANGGUHKAN** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

MQA prihatin terhadap pelanggan yang terkesan dengan penangguhan ini. Oleh itu, kami akan membuat pertimbangan sebaik mungkin dalam menyelaras semula semua operasi terbabit. Sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui **PORTAL RASMI MQA**.

Sebarang pertanyaan sila ke Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/> .

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
4 MEI 2020**